

**Cabaran dan kekangan besar SPR
Utusan Online
20 Mac, 2012
Oleh ZULKIFLI JALIL**

PRAKTIS penggunaan dakwat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) di negara ini nanti dikatakan akan lebih canggih dari yang digunakan di benua Afrika dan India.

Alat pencalitnya direka khas. Ia tidak memerlukan sampai pengundi terpaksa mencelup jari dalam dakwat. Untuk sebotol dakwat sahaja, kira-kira 100 kali calitan boleh dilakukan.

Dakwat itu nanti akan dicalit ke atas kuku jari telunjuk tangan kiri. Sekiranya seorang pengundi itu tidak memiliki jari telunjuk, calitan akan beralih ke sebelah jari kiri pula (jari tengah). Dan begitulah seterusnya bergantung kepada kesempurnaan sifat individu berkenaan. Katakan kudunglah tangan kirinya, maka calitan akan beralih ke jari tangan kanan pula mengikut urutan tadi.

Januari lalu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memperoleh kelulusan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk penggunaan dakwat berkenaan. Kata Majlis Fatwa, hukumnya harus. Untuk PRU-13 ini, dakwat dua warna akan digunakan iaitu dalam pengundian awal (sebelum ini dikenali pengundian pos melibatkan anggota tentera, polis dan berkemungkinan kali ini termasuk pengamal media) manakala satu warna lagi untuk pengundian biasa. Untuk dakwat dalam pengundian awal, warna calitannya dijangka bertahan selama dua minggu. Ini bermakna SPR mampu mengesan sebarang percubaan pengundi awal untuk mengundi dua kali pada pengundian biasa.

Penggunaan secara terperinci dakwat pilihan raya umum itu antara beberapa topik perbualan yang dimaklumkan oleh Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi Ahad lalu.

"SPR kini sedang sibuk membuat latihan terakhir untuk semua petugas pilihan raya. Akhir bulan ini pula kami akan beri taklimat mengenai penggunaan dakwat kekal ini. Selepas itu, kami akan jumpa semua parti politik untuk memperjelaskan mengenai semua pembaharuan yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen berkenaan penambahbaikan pilihan raya (PSC).

"Kami juga akan berjumpa dengan beberapa NGO tertentu untuk menerangkan perkara ini sementara tempoh mandatori PSC yang diberi mandat oleh Parlimen pun akan tamat 2 April ini.

"Esok, Selasa (hari ini) pula SPR akan bertemu dengan PSC untuk penentuan akhir mengenai 10 cadangan pembaharuan pilihan raya yang akan dibentangkan jawatankuasa itu nanti," kata Wan Ahmad.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan kemungkinan tidak semua penambahbaikan oleh PSC itu akan dipraktikkan pada PRU-13. Jika PRU berkenaan dijalankan sebelum bulan Ramadan ini, hanya sebahagian sahaja pembaharuan dapat digunakan. Bakinya pula boleh direncanakan pada PRU-14.

Antaranya ialah mengenai hak mengundi kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara.

"SPR tidak nafikan perlu ada syarat tertentu untuk membenarkan warganegara Malaysia yang berada di luar negara mengundi. Jika sampai 15 tahun tak balik ke Malaysia sehinggakan bahagian pilihan raya sendiri pun tak tahu di mana, wakil rakyat pun tak kenal, wajarkah dia mengundi?"

"Singapura sendiri pun ada peraturannya untuk ini, iaitu warganegaranya dimestikan pulang dalam tiga tahun sekali, barulah dibolehkan mengundi. Bagi rakyat kita, mesti disyaratkan balik ke tanah air sekali dalam tempoh lima tahun," katanya.

Beliau turut menarik perhatian mengenai tindak tanduk 'pandai bercakap' daripada pihak-pihak yang membuat komen dalam beberapa portal propembangkang berhubung keperluan SPR membuka pusat atau saluran mengundi di kedutaan-kedutaan Malaysia di seluruh dunia.

"Dia ingat sistem pilihan raya di seluruh dunia ini sama sahajakah," kata Wan Ahmad.

Yang sebenarnya sistem pilihan raya di Malaysia memang berbeza dengan Indonesia, Filipina mahupun Eropah. Ini kerana di Malaysia, pengundinya memilih perwakilan (calon) mengikut kawasan pilihan raya. Walhal di Indonesia dan Filipina, rakyatnya memilih parti semasa pilihan raya.

Katakan di Melbourne, Australia terdapat kira-kira 5,000 pengundi warganegara Malaysia di sana. Dan kesemuanya perlu mengundi calon tertentu dengan memangkah kertas undi. Tuntutan ini memerlukan SPR menghantar beribu-ribu kertas undi yang tertera kawasan Parlimen tertentu, contohnya P. Kuala Terengganu. Bayangkan Malaysia ada keseluruhan 222 kerusi Parlimen dan 576 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Rakyat Malaysia yang berdaftar di luar negara pula ada beratus ribu orang. Dan bukan semuanya pengundi Shah Alam di luar negara itu.

"Ada yang kata SPR bodohlah, sengaja tidak mahu buka saluran mengundi di kedutaan kita di luar negara atau kononnya bimbang pengundi kita di seberang laut tak sokong Barisan Nasional. Sedangkan realiti dan hakikatnya SPR tidak mempunyai keupayaan logistik untuk membuka saluran-saluran mengundi ini kerana sistem pilihan raya kita yang jauh berbeza dengan negara lain iaitu yang memilih perwakilan mengikut kawasan. Dan bukannya pilih parti. Jadi, usahlah kalut bila tengok di kaca televisyen kedutaan Indonesia atau Filipina buka saluran mengundi di Eropah, Australia atau Amerika Syarikat," katanya.

Di akhir perbualan kami menerusi telefon bimbit itu, Wan Ahmad mengakui satu perkara - PRU-13 merupakan cabaran, yang juga kekangan terbesar SPR dalam sejarah pilihan raya negara ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0320&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm